

13 NOV 2001

Ling - China

PEMAJU DINASIHAT TEMBUSI PASARAN CHINA

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Syarikat pemaaju terutamanya yang terlibat dalam sektor pembinaan digesa mengambil langkah-langkah untuk menembusi pasaran China yang sedang berkembang.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata walaupun seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun sedang menghadapi kelembapan ekonomi sejak dua dekad lalu, China dengan penduduk sebanyak 1.3 bilion orang sedang mengalami perkembangan ekonomi yang pesat.

"Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyatakan bahawa Malaysia tiada pilihan lain melainkan menumpang di atas perkembangan negara China," katanya dalam ucapan pada majlis penganugerahan sijil MS ISO 9002 kepada Kinta Kellas Plc.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Dr Ling berkata sejak dua dekad lalu, kerajaan telah menggalakkan sektor korporat tempatan mempraktikkan Dasar Pandang ke Timur terutamanya ke Jepun dan Korea.

"Kini tiba masanya untuk syarikat tempatan menceburi pasaran di Timur seperti Indonesia, India dan China," katanya.

Kinta Kellas dianugerahkan Sijil MS ISO 9002 dari Sirim QAS Sdn Bhd bagi skop penyediaan aktiviti pengurusan projek dalam sektor pembinaan untuk tahun yang kedua.

Pada majlis yang sama Kinta Kellas, syarikat perunding projek mega, melancarkan Kinta Kellas InfoNet, satu sistem terkini berteraskan web.

Pengerusi Kinta Kellas Tengku Ahmad Rithauddeen berkata pelaksanaan sistem dengan peruntukan RM4 juta untuk dua hingga tiga tahun akan datang ini, bertujuan mempertingkatkan lagi fungsi pengurusan projek di Kinta Kellas.

-- BERNAMA

MUN ZS MAI